



**LEMBAGA PEMBANGUNAN
LANGKAWI**

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

NOTIS TAWARAN REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

**BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL BERCAMPUR DI ATAS LOT 61403,
LOT 61404 DAN LOT 60238 (TAPAK HOSPITAL LAMA), MUKIM KUAH, 07000
LANGKAWI,
KEDAH DARUL AMAN**

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab untuk merancang pembangunan Pulau Langkawi termasuk aspek-aspek pelancongan dan sosioekonomi. Justeru, LADA ingin menjemput Syarikat Pelabur yang berkeelayakan untuk mengemukakan kertas cadangan pembangunan bagi tanah milik LADA seperti berikut:

NO	LOKASI	PERINCIAN MAKLUMAT TANAH	CADANGAN PEMBANGUNAN	TARIKH SERAHAN PROPOSAL
1.	Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238 (Tapak Hospital Lama), Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman	Keluasan Kawasan : 7.371 ekar (Lot 61403) 0.1294 ekar (Lot 61404) 2.317 ekar (Lot 60238) Kategori Penggunaan Tanah: Tiada Syarat Nyata : Tiada dihadkan kegunaan selagi ianya dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Zoning RTD 2030 : Institusi & kemudahan masyarakat (Lot 61403 & 61404) Komersil (Lot 60238) Status : Pegangan Selama-lamanya (luar simpanan melayu)	Komersial	5 Oktober 2026 (Isnin)

1. Syarikat-syarikat pembangunan yang berminat boleh memuat turun dokumen *Request for Proposal* (RFP) di Laman Web Rasmi LADA <https://www.lada.gov.my/pelaburan/> bermula **3 Ogos 2026**.
2. Dokumen cadangan pembangunan perlu dihantar menggunakan sampul bertutup dan ditulis dengan jelas di bahagian atas, sebelah kanan dengan **"Request For Proposal (RFP) Bagi Cadangan Pembangunan di atas Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238 (Tapak Hospital Lama), Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman"**. Cadangan pembangunan perlu dialamatkan kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif,
Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 7, Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan,
Kompleks LADA, Kuah, 07000 Langkawi,
Kedah Darul Aman.
u.p. : Pengurus, Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan**

3. Satu sesi lawatan tapak dan taklimat berkaitan projek akan dilaksanakan pada **17 Ogos 2026 jam 10.00 pagi**. Syarikat pelabur adalah digalakkan untuk menghadiri sesi ini bagi membantu melancarkan proses penyediaan kertas cadangan. Syarikat perlu mengemukakan surat/email tunjuk minat sebelum tarikh lawatan tapak diadakan.
4. Syarikat-syarikat pelabur perlu mengambil maklum bahawa permohonan berkaitan cadangan pembangunan ini perlu dilaksanakan dengan berpanduan terma dan syarat yang telah ditetapkan di dalam RFP ini.
5. Sebarang pertanyaan lanjut, syarikat-syarikat pelabur boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut :

Nama	No. Tel	Email
Pn. Furzannie Hanna bt Arif	04-9600 618	hanna@lada.gov.my
Pn. Suraya bt Yahya	04-9600 643	suraya@lada.gov.my



**LEMBAGA PEMBANGUNAN
LANGKAWI**

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
**BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN KOMERSIAL
BERCAMPUR DI ATAS LOT 61403, LOT 61404 DAN LOT
60238 (TAPAK HOSPITAL LAMA), MUKIM KUAH, 07000
LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN**

URUS SETIA:

**BAHAGIAN PELABURAN DAN PEMUDAH CARA PERNIAGAAN,
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)
TINGKAT 7, KOMPLEKS LADA,
JALAN PERSIARAN PUTRA, KUAH
07000 LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA.**

TEL: +604 960 0600

FAX: +604 960 0649

**E-MEL: hanna@lada.gov.my
LAMAM SESAWANG: www.lada.gov.my**

SULIT

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
LATAR BELAKANG	4-5
PANDUAN KEPADA PEMBIDA PROJEK	
Tujuan RFP	5
Skop Umum	6
Lawatan Tapak	6-7
Pelaksanaan Projek	7-8
Maklumat Tanah	8-10
MAKLUMAT YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH PEMBIDA PROJEK	
Maklumat Umum	11-12
Konsep Pembangunan Projek	12-14
Konsep Pengurusan Pembangunan	14
Keupayaan Korporat	14-15
Keupayaan Teknikal	15
Keupayaan Kewangan	15
Kebolehlaksanaan Projek	16-17
Strategi Pemasaran	17
Pulangan Kepada LADA dan Langkawi	18
Cadangan Model Pelaburan	18-19
SYARAT DAN TERMA UTAMA	19-23
SYARAT DAN TERMA LAIN BERKAITAN	23-26

SULIT

PERKARA		HALAMAN
LAMPIRAN		
LAMPIRAN A(i) & A(ii)	Pelan Tapak Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238	27-28
LAMPIRAN B	Pelan Lokasi Sekitar Tapak Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238	29
LAMPIRAN C	Contoh Konsep Pembangunan Komersil Bercampur Contoh Pelan Susunatur & Ilustrasi di Lot 61403 Dan Lot 61404	30
LAMPIRAN D	Contoh Pelan Susunatur & Ilustrasi di Lot 60238	31
LAMPIRAN E	Senarai Semak Pelaburan	32
LAMPIRAN F	Surat Akuan Pembida	33-34
LAMPIRAN G	Surat Akuan Integriti	35

SULIT

LATAR BELAKANG

1. Langkawi telah membangun sebagai sebuah pulau peranginan terkemuka di Malaysia dan rantau ini dengan pesatnya bermula dari awal tahun 90-an. Daripada sebuah pulau yang hanya bergantung kepada hasil pertanian dan perikanan, Langkawi kini telah bertukar kepada sebuah pulau dengan sektor pelancongan sebagai penggerak ekonomi utamanya.
2. Bagi memastikan Langkawi terus berdaya saing sebagai sebuah destinasi pelancongan terkemuka Malaysia dan antarabangsa, tawaran fasiliti dan produk baru bertaraf antarabangsa perlu dibangunkan agar Langkawi kekal relevan dan menjadi pilihan utama sebagai destinasi pelancongan domestik dan antarabangsa.
3. Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238 asalnya merupakan tapak Hospital Lama Langkawi. Keluasan tapak yang terhad dan kedudukan hospital di tengah bandar dilihat kurang sesuai. Oleh itu, bangunan hospital lama ini telah dikosongkan sepenuhnya oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2011 selepas berpindah ke Hospital Baru Bukit Tekuh dan Klinik Kesihatan Baru Kuah.
4. LADA berhasrat untuk membangunkan semula kawasan ini dengan pembangunan komersial bercampur yang ikonik dan menjadi kawasan tumpuan pelancongan yang baru. Pembangunan ini perlu dibangunkan secara tersusun, sistematik, menggunakan teknologi hijau, landskap yang menarik serta menawarkan pengalaman pelancongan yang menarik.
5. Justeru, bagi merealisasikan hasrat ini, penyertaan dan kerjasama sektor swasta adalah penting bagi memastikan pertumbuhan pembangunan dan pelancongan dipacu oleh pihak industri. Kerjasama awam – swasta di dalam menjayakan cadangan pelaburan strategik ini diperlukan untuk menyediakan produk dan perkhidmatan bermutu bagi memenuhi hasrat untuk menjadikan

SULIT

Langkawi sebagai sebuah destinasi percutian mewah dan ekopelancongan terkemuka dunia.

PANDUAN KEPADA PEMBIDA PROJEK

6. Tujuan RFP

- 6.1. LADA mempelawa Syarikat Pembida untuk membangun dan menguruskan Pembangunan Komersial Bercampur di atas Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238 (Tapak Hospital Lama), Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah. Projek ini merupakan salah satu usaha LADA untuk memaksimumkan nilai strategik aset LADA melalui penyertaan dan penglibatan sektor swasta. RFP ini juga bertujuan untuk memberi panduan kepada Syarikat Pembida serta mengalu-alukan dan menggalakkan idea kreatif, inovatif dan cadangan menggunakan teknologi hijau daripada Syarikat yang terlibat bagi membangun dan menguruskan pembangunan tanah di atas Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238 seiring dengan hasrat LADA, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
- 6.2. Bagi memastikan kelancaran proses pembangunan kelak, Syarikat Pembida dikehendaki untuk memahami kehendak dan keperluan syarat pembangunan oleh LADA, Kerajaan Negeri Kedah, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP), Pejabat Tanah dan Daerah Langkawi (PTDL), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta lain-lain agensi berkaitan. Sepanjang tempoh pelaksanaan, Pembida yang berjaya perlu bekerjasama dengan pelbagai pihak meliputi jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkaitan.

7. Skop Umum

7.1. Pembida yang berjaya dikehendaki memiliki pemahaman yang mendalam mengenai:

- i. Pelan tapak dan maklumat tanah Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238 (Tapak Hospital Lama), Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah seperti di **Lampiran A (i)** dan **Lampiran A (ii)**.
- ii. Peta lokasi sekitar tapak Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238 (Tapak Hospital Lama), Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah seperti di **Lampiran B**.
- iii. Komponen dan konsep pembangunan yang boleh dicadangkan adalah seperti berikut:
 - a. *Shop Office Home Office (SOHO)*
 - b. *Business Scheme / Commercial Lot*
 - c. *Private Hospital / Wellness Centre*
 - d. *Accommodations (Hotel)*
 - e. *Facilities / Infrastructures*
- iv. Cadangan konsep pembangunan ini adalah daripada pihak LADA, namun pihak Syarikat Pembida boleh melaksanakan sebarang pembangunan selagi tidak bercanggah dengan RTDL 2030 seperti di **Lampiran C**.

8. Lawatan Tapak

8.1. Pembida digalakkan untuk menghadiri lawatan tapak yang ditetapkan oleh LADA bagi memahami dengan lebih jelas kawasan pembangunan dan syarat-syarat penyertaan RFP ini. LADA tidak akan bertanggungjawab sekiranya Syarikat Pembida tidak

SULIT

menghadiri lawatan tapak yang mungkin akan memberi kesan kepada penyediaan kertas cadangan dan penyertaannya dalam RFP ini.

- 8.2. Syarikat perlu mengemukakan surat atau e-mel tunjuk minat sebelum tarikh lawatan tapak diadakan.
- 8.3. Maklumat lanjut berhubung lawatan tapak boleh diperoleh daripada Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan, LADA.

9. Pelaksanaan Projek

- 9.1. Jadual pelaksanaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Bil.	Keterangan	Anggaran Tarikh / Tempoh
1.	Iklan RFP	3 Ogos 2026 (Isnin)
2.	Lawatan Tapak	17 Ogos 2026 (Isnin)
3.	Penyediaan Kertas Cadangan oleh Syarikat Pembida	3 Ogos 2026 – 4 Oktober 2026 (2 bulan)
4.	Penghantaran Kertas Cadangan dan Bayaran Wang Pemprosesan RM2,000.00 / permohonan	5 Oktober 2026 (Isnin), sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari
5.	Penilaian teknikal dan kewangan oleh Jawatankuasa	2 minggu
6.	Pembentangan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Projek Pelaburan (J3P) LADA	2 minggu
7.	Syarikat yang disenarai pendek dikehendaki membuat bayaran Wang	1 minggu

SULIT

Bil.	Keterangan	Anggaran Tarikh / Tempoh
	Komitmen daripada jumlah <i>Gross Development Cost</i> (GDC) projek	
8.	Pembentangan dan penilaian oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan LADA (JKPL)	2 minggu
9.	Pembentangan kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah LADA (LPL)	2 minggu
10.	Surat Niat	1 minggu
11.	Surat Tawaran	1 minggu
12.	Surat Penerimaan Tawaran	2 minggu
13.	Permohonan sebagai status Syarikat Melayu oleh Pelabur	Setelah Surat Penerimaan Tawaran diserahkan kepada LADA
14.	Tandatangan Perjanjian	3 bulan

**Tarikh mengikut ketetapan LADA dan tertakluk kepada perubahan*

10. Maklumat Tanah

10.1. Keluasan keseluruhan tapak (Hospital Lama Langkawi) adalah 9.817 ekar seperti berikut:

Lot	Keluasan (Ekar)	Cukai Tanah (RM)
61403	7.371	17,898.00
61404	0.129	315.00
60238	2.317	5,627.00

10.2. Ketiga-tiga tanah adalah berstatus pegangan selama-lamanya dan merupakan kawasan Luar Simpanan Melayu. Kategori penggunaan tanah ini Tiada Dihadkan (NIL) kegunaannya selagi ia dimiliki oleh PTP. Selain itu, tiada Sekatan Kepentingan ke atas tanah. Tapak

cadangan terletak dalam Kluster Pusat Bandar Kuah (BPK1.1b), Rancangan Tempatan Daerah Langkawi (RTDL) 2030. Kelas / aktiviti utama bagi tapak cadangan telah dizonkan seperti berikut:

- i. Lot 60238 (PT 2321) - BPK 1.1b (1) - Zoning Kawasan Komersial; dan
- ii. Lot 61403, Lot 61404 (PT 2319 & PT 2320) - BPK 1.1b (2) – Zoning Institusi & Kemudahan Masyarakat.

10.3. Walaupun Lot 61403, Lot 61404 dizonkan sebagai institusi & kemudahan masyarakat, aktiviti sokongan lain yang dibenarkan dalam BPK1.1b adalah perniagaan dan perumahan dengan nisbah plot 1.5 dan ketinggian yang dibenarkan adalah 30 tingkat (Lot 60238) dan 20 tingkat (Lot 61403 dan Lot 61404). (Rujuk perincian di **Lampiran D** kandungan Jadual Kelas Kegunaan Tanah, RTD).

10.4. Lain-lain aktiviti yang dibenarkan dengan syarat adalah seperti berikut:

- a) Industri Kotej (B5)
- b) Institusi Awam (D1)
- c) Institusi Swasta (D2)
- d) Kemudahan Sukan dan Rekreasi (E2)
- e) Pengangkutan Darat (F1)
- f) Pengangkutan Air (F2)
- g) Infrastruktur & Utiliti (G)
- h) Badan Air / Pesisir Sungai / Pantai

10.5. Tapak cadangan terletak di bahagian Tenggara Langkawi iaitu di Pusat Petempatan Utama (PPU) dan Pusat Pentadbiran Daerah Langkawi yang menempatkan pelbagai Agensi Kerajaan / swasta dan pusat perniagaan (Pandak Mayah, Kelana Mas, Pekan Rabu, MAHA City). Tapak cadangan juga berhampiran dengan kawasan tumpuan pelancong seperti Menara MAHA, Kompleks HIG, Dataran

Lang, Splash Out Langkawi, Taman Lagenda dan Langkawi International Convention Center (LICC).

- 10.6. Tapak cadangan juga mempunyai tahap kemudahsampaian yang tinggi dihubungi melalui Jalan Ayer Hangat dan Jalan Persiaran Putra iaitu 1 kilometer ke Jeti Penumpang Kuah dan 22 kilometer ke Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi. Bentuk muka bumi adalah rata dan landai. Tapak cadangan ini berada di lokasi yang ideal serta mempunyai tahap kemudahsampaian yang sangat baik.
- 10.7. Kedudukan tapak adalah sangat strategik di kawasan pusat Bandar Kuah dan mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap di sekitarnya seperti berikut:

i. Saliran & Perparitan

Tapak cadangan pada dasarnya tidak mempunyai halangan daripada segi saliran untuk dibangunkan secara optimum.

ii. Infrastruktur (Jaringan Jalan Raya)

Tapak ini terletak di lokasi yang mempunyai tahap aksesibiliti yang sangat baik dan dapat dihubungkan dengan mudah melalui jalan sedia ada. Jarak dari tapak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi mengambil masa 20 minit sahaja dan jarak ke Jeti Penumpang Kuah mengambil masa kurang daripada 5 minit. Ini menjadikannya berada di lokasi yang ideal serta mempunyai tahap kemudahsampaian yang tinggi.

iii. Utiliti

Terdapat kemudahan utiliti seperti sistem bekalan air, sistem bekalan elektrik, jaringan telekomunikasi dan sistem pembetulan yang baik.

MAKLUMAT YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH PEMBIDA PROJEK

Syarikat Pembida projek perlu menghantar maklumat yang lengkap dan terperinci mengenai cadangan pembangunan Komersial Bercampur di atas Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238 (Tapak Hospital Lama). Garis panduan untuk menyediakan cadangan adalah seperti di bawah:

11. Maklumat Umum

11.1. Pada bahagian ini, cadangan haruslah mengandungi ringkasan eksekutif yang terdiri daripada gambaran keseluruhan mengenai Syarikat Pembida, projek yang akan dilaksanakan, jadual pelaksanaan, dan anggaran kos yang terlibat. Maklumat mengenai latar belakang Syarikat Pembida seperti di **Lampiran F** harus dilengkapkan yang merangkumi aspek berikut:

- i. Nama Syarikat;
- ii. No. Pendaftaran Syarikat;
- iii. Tarikh penubuhan Syarikat;
- iv. Jenis perniagaan utama;
- v. Alamat Syarikat (ibu pejabat dan cawangan);
- vi. No. Telefon, faks dan alamat e-mel;
- vii. Modal berbayar Syarikat;
- viii. Jenis dan butiran pemilikan Syarikat;
- ix. Senarai Ahli Lembaga Pengarah;
- x. Maklumat mengenai pengurusan atasan;
- xi. Bilangan pekerja; dan
- xii. Laporan kewangan Syarikat terkini.

11.2. Syarikat Pembida perlu mengemukakan salinan sijil pendaftaran / perakuan pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), salinan sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), salinan sijil Pusat

Perkhidmatan Kontraktor (PKK), dan salinan sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) berserta tempoh sah laku.

12. Konsep Pembangunan Projek

- 12.1. LADA berhasrat mempelawa Syarikat Pembida yang berkeupayaan untuk membangunkan tanah LADA di atas Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238 (Tapak Hospital Lama), Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah sebagai sebuah pembangunan komersial bercampur. Walau bagaimanapun, pembangunan berbentuk strata adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Komponen-komponen pembangunan yang dicadangkan adalah seperti berikut:
- i. Shop Office Home Office (SOHO);
 - ii. Business Scheme / Commercial Lot;
 - iii. Private Hospital / Wellness Centre;
 - iv. Accommodations (Hotel); dan
 - v. Facilities / Infrastructures.
- 12.2. Pembangunan yang dicadangkan juga perlu menunjukkan tiga (3) konsep yang telah ditetapkan seperti berikut:
- i. Konsep Pembangunan Bandar Selamat;
 - ii. Konsep Pembangunan Kejiranan Hijau; dan
 - iii. Konsep Pembangunan *Low Carbon City*.
- 12.3. Namun demikian, LADA tidak berhasrat untuk mengehendkan pembangunan berdasarkan keperluan LADA semata-mata di tapak tersebut selagi cadangan Syarikat Pembida masih dalam skop yang dibenarkan oleh LADA dan mematuhi syarat yang dibenarkan di bawah RTDL 2030. Ini kerana LADA percaya bahawa setiap Syarikat mempunyai keupayaan dan kebolehan yang tersendiri dalam pembangunan yang akan dilaksanakan. Syarikat Pembida

boleh menyediakan dan mengemukakan pelan cadangan pembangunan kepada LADA untuk pertimbangan. Contoh ilustrasi cadangan konsep pembangunan oleh LADA adalah seperti di **Lampiran D**.

12.4. Pembangunan perlulah mematuhi spesifikasi keperluan kemudahan dengan ciri-ciri seperti berikut:

- i. Konsep pembangunan yang ikonik dan dapat menjadi faktor daya penarik kepada para pelancong, unik, teratur dan mesra pengguna bagi pembangunan kawasan *city centre*;
- ii. Kualiti reka bentuk bangunan yang memenuhi aspek rendah karbon dan kelestarian;
- iii. Kawasan parkir yang inovatif;
- iv. Kualiti kerja landskap dan pembangunan yang mengikut *green practices*;
- v. Program pembangunan yang berdaya saing;
- vi. Menggalakkan konsep pembangunan *eco-friendly*;
- vii. Menyediakan kawasan landskap atau kawasan hijau dalam bangunan;
- viii. Menggalakkan penyediaan kemudahan laluan penjalan kaki khas bagi golongan kelainan upaya (OKU) dan warga emas seperti ketetapan dalam Garis Panduan Reka Bentuk Bandar Selamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia);
- ix. Menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang secukupnya seperti yang ditetapkan oleh garis panduan semasa dan piawaian yang diguna pakai oleh MPLBP, agensi teknikal dan bukan teknikal berkaitan;
- x. Menyediakan reka bentuk dan operasi yang lestari seperti mengguna pakai teknologi hijau dan penilaian *Green Building Index*; dan

xi. Memenuhi keperluan *Building Information Modelling* (BIM).

12.5. Syarikat Pembida juga diharap mempunyai keupayaan untuk mempromosikan pembangunan tersebut sekali gus menjadikan Langkawi sebagai destinasi tarikan pelancongan yang berkonsepkan kelestarian.

12.6. Syarikat Pembida juga boleh membangun dan menguruskan tapak cadangan secara usaha sama dengan Syarikat tempatan mahupun antarabangsa yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan.

13. **Konsep Pengurusan Pembangunan**

13.1. Pembida perlu menyatakan secara terperinci senarai ahli pengurusan berserta jawatan dan jumlah pekerja yang akan terlibat untuk pembangunan di atas lot Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238. Komposisi pekerja tempatan dan asing juga perlu diperincikan. Syarikat Pembida juga perlu mengemukakan maklumat berkaitan pengurusan penyelenggaraan dan landskap bagi memastikan susun atur pembangunan tersebut.

14. **Keupayaan Korporat**

14.1. **Projek Pembangunan dan Pengalaman**

- i. Syarikat Pembida perlu mengenal pasti perunding, kontraktor, pembekal, pengendali dan pembiaya kewangan tempatan atau antarabangsa yang akan terlibat dalam projek yang dicadangkan.
- ii. Syarikat Pembida juga perlu mengemukakan perancangan pembangunan projek meliputi aspek-aspek pengurusan

projek daripada segi pembangunan dan pelaksanaan projek termasuk ringkasan fungsi utama serta jawatan-jawatan yang bakal diwujudkan. Ringkasan pengurusan projek perlu merangkumi jadual pembangunan projek dan operasi komersial. Dokumen sokongan yang menunjukkan komitmen dan kesungguhan Pembida untuk terlibat dalam projek ini juga boleh disertakan bagi mengukuhkan cadangan pembangunan.

15. **Keupayaan Teknikal**

- 15.1. Bahagian ini perlu dilengkapkan secara terperinci dan perlu mengandungi maklumat yang lengkap untuk meyakinkan bahawa Syarikat Pembida, Syarikat Perunding, kontraktor pembekal dan pengendali projek memiliki keupayaan teknikal, pengalaman dan juga kepakaran (sama ada langsung ataupun melalui khidmat pihak tempatan atau antarabangsa) untuk mengendalikan projek yang dicadangkan. Kelayakan Syarikat Pembida dalam melaksanakan projek ini amatlah dititikberatkan oleh LADA.

16. **Keupayaan Kewangan**

- 16.1. Bahagian ini perlu dilengkapkan secara terperinci dan mengandungi maklumat yang mencukupi untuk memperlihatkan dengan yakin bahawa Syarikat Pembida dan rakan kongsi tempatan mahupun antarabangsa mempunyai keupayaan, pengalaman dan kepakaran untuk membiayai, membangun dan menguruskan projek yang dicadangkan. Kelayakan Pembida yang akan melaksanakan projek ini amat dititikberatkan oleh pihak LADA.

SULIT

- 16.2. Penyata Kewangan yang diaudit bagi 3 tahun terkini (2023, 2024, 2025), senarai projek (tempatan dan luar negara) yang telah dilaksanakan, surat pengesahan projek siap dan sijil-sijil yang menyatakan kelayakan Syarikat Pembida juga mesti dilampirkan bersama kertas cadangan.
- 16.3. Pembida juga perlu mempunyai bukti yang meyakinkan bahawa Syarikat Pembida mempunyai kewangan yang kukuh (modal berbayar minima RM20 juta) dan boleh secara langsung atau berjaya menguruskan pembiayaan untuk projek tersebut.
- 16.4. Cadangan Pembida yang memenuhi syarat dan keperluan pembangunan akan diangkat untuk pertimbangan Lembaga Pengarah LADA. Wang Komitmen Syarikat Pembida yang tidak berjaya akan dikembalikan sebaik sahaja keputusan dimaklumkan.
- 16.5. Pembida hendaklah mengemukakan unjuran kewangan projek yang merangkumi aliran tunai serta maklumat kewangan berkaitan.
- 16.6. Pembida juga perlu mengemukakan model pembiayaan yang jelas bagi menyokong projek yang dicadangkan.

17. Kebolehlaksanaan Projek

- 17.1. Umum
Cadangan perlu dikemukakan bersama pelan pembangunan dan pengurusan projek.
- 17.2. Kajian Ekonomi
Syarikat Pembida dikehendaki menyediakan kajian ekonomi berkaitan dengan projek yang dicadangkan. Kaedah kajian adalah berdasarkan kreativiti Pembida dan kajian terperinci serta mendalam perlu dilakukan bagi meyakinkan LADA bahawa projek

dapat dilaksanakan. Kos yang dianggarkan bagi pembangunan dan pengurusan projek juga perlu realistik dan munasabah.

17.3. Anggaran Kos, Kaedah Pembiayaan dan Pulangan Kepada Pelaburan (ROI)

Syarikat Pembida perlu menyatakan secara terperinci anggaran modal dan kos yang akan terlibat bagi pembangunan di atas Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238. Kos operasi yang terlibat juga perlu diperincikan.

17.4. Kos yang dicadangkan perlulah realistik dan munasabah dan Syarikat Pembida perlu membiayai keseluruhan kos pembangunan tersebut.

17.5. Syarikat Pembida perlu menyatakan secara terperinci mengenai pelan pembiayaan projek termasuk pinjaman dan ekuiti, bersama dengan dokumen-dokumen yang menyatakan pengalaman Pembida dalam memperoleh pembiayaan bagi projek-projek sebelum ini yang sama atau hampir sama daripada segi saiz dan teknologi yang digunakan.

17.6. Syarikat Pembida harus menyatakan secara terperinci mengenai aliran tunai keluar masuk yang merangkumi hasil yang diterima sebagai ROI bagi projek ini semasa operasi normal dalam tempoh cadangan projek.

18. Strategi Pemasaran

18.1. Syarikat Pembida perlu menyediakan strategi pemasaran bagi mempromosikan pembangunan di atas Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238 serta memaksimumkan potensi kawasan ini sebagai destinasi pelancongan berkaitan kelestarian.

19. Pulangan kepada LADA dan Langkawi

- 19.1. Pembida perlu menyatakan secara terperinci mengenai pulangan kepada LADA termasuk peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, penglibatan kontraktor dan pembekal tempatan.

20. Cadangan Model Pelaburan

LADA menetapkan dua (2) pilihan model pelaburan yang boleh dipilih oleh pembida bagi pelaksanaan cadangan pembangunan ini iaitu:

i. Kaedah Pelaburan 1: Pajakan

Satu perjanjian akan ditandatangani antara LADA sebagai pemilik tanah dengan Syarikat Pembida yang berjaya untuk tempoh pajakan selama 30 atau 60 tahun. Pembida berjaya:

- a. Dilarang menggunakan tanah tersebut atau mana-mana bahagiannya sebagai cagaran untuk tujuan apa pun, selain mendapat kebenaran bertulis daripada LADA dan syarat utama pajakan adalah untuk tujuan pembangunan yang mengambil kira pelaksanaan projek siap dalam tempoh yang dipersetujui serta beroperasi dalam tempoh perjanjian serta tidak ditinggalkan terbiar (*abandon*);
- b. Memulangkan keseluruhan tanah dan bangunan kepada LADA tanpa sebarang kos tambahan selepas tamat tempoh pajakan; dan
- c. Lain-lain syarat Pajakan di bawah Dasar Strategik Pelaburan dan Pengurusan Aset (DSPPA) LADA adalah terpakai.

- ii. **Kaedah Pelaburan 2: *Smart Partnership* / Kerjasama Pintar**
- a. Syarikat akan diikat secara kontrak bersama LADA dengan tempoh maksima selama 30 tahun (5+5+5+5+5+5). Penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) akan dijadikan sebagai asas rujukan kepada bayaran / caj / sewaan yang akan dikenakan;
 - b. LADA akan mengenakan dua (2) jenis caj iaitu Caj Tetap (*Fix Charge*) dan Caj Berubah (*Variable Charge*). Caj Tetap iaitu caj penggunaan tanah akan dikenakan pada kadar minima iaitu sekurang-kurangnya pada kadar kos yang perlu ditanggung oleh LADA seperti cukai tanah. Manakala, Caj Berubah yang dicadangkan adalah sekurang-kurangnya 10% hingga 20% daripada pendapatan kasar Syarikat;
 - c. LADA akan menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) dengan persetujuan bersama Syarikat) dan pemantauan prestasi Syarikat akan dilaksanakan melalui *Joint Committee Meeting* (JCM) di antara LADA dan Syarikat; dan
 - d. Lain-lain syarat Kerjasama Pintar di bawah DSPPA LADA adalah terpakai.

SYARAT DAN TERMA UTAMA

21. Syarikat Pembida yang berjaya dikehendaki untuk menandatangani perjanjian secara rasmi dengan LADA. Mana-mana Syarikat yang menubuhkan *Special Purpose Vehicle* (SPV) bagi menyertai projek ini akan diikat melalui *Guarantee Agreement* dengan LADA.

SULIT

22. Pembida dikehendaki untuk membayar RM2,000.00 melalui EFT / *bank draft* / kiriman wang sebagai wang pemprosesan kepada Bahagian Kewangan LADA semasa mengemukakan RFP. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
23. Pembida yang berjaya harus menyertakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk *Bank Guarantee* (BG) yang dikeluarkan oleh bank atau institusi kewangan berdaftar dan beroperasi di Malaysia dengan kadar seperti berikut:

Bil	Kos Pembangunan	Kadar
1.	RM500 juta dan ke atas	2%
2.	RM0 – RM499 juta	5%

24. Bon Pelaksanaan dalam bentuk BG tersebut haruslah dipastikan sah daripada tarikh dikeluarkan sehingga tarikh tidak kurang dari 12 bulan selepas tamat projek. Jika didapati Pembida projek gagal untuk menamatkan projek dalam tempoh yang ditetapkan atau menarik balik cadangan semasa tempoh yang ditetapkan atau melebihi tempoh yang ditetapkan Bon Pelaksanaan ini tidak akan dikembalikan.
25. Wang Komitmen akan dikenakan kepada Pembida yang di senarai pendek seperti ketetapan berikut:

Gross Development Cost (RM)	Bayaran Wang Komitmen	
	Kadar (%)	Wang Komitmen (RM)
Sehingga 100 juta	-	20,000
100 juta berikutnya	5	Maksimum 500,000
100 juta berikutnya	4	Maksimum 400,000
100 juta berikutnya	3	Maksimum 300,000
100 juta berikutnya	2	Maksimum 200,000
100 juta berikutnya	1	Maksimum 100,000
Melebihi 1 bilion	RM1 juta bagi setiap tambahan RM1 bilion GDC	

SULIT

26. Wang komitmen akan dikembalikan setelah mendapat keputusan Jemaah Pengarah LADA. Walau bagaimanapun, bagi syarikat yang berjaya dan terpilih wang tersebut akan ditolak daripada bayaran yang akan dikenakan. Sekiranya tawaran dibatalkan dalam keadaan perjanjian masih belum ditandatangani maka 10% daripada amaun tidak akan dikembalikan.
27. LADA berhak meminda dari semasa ke semasa spesifikasi dan butir-butir yang dinyatakan di dalam RFP dan Pembida mestilah bersetuju dengan pindaan yang telah dilakukan.
28. Pembida harus bersetuju dan memahami bahawa sekiranya penawaran ini gagal dan perjanjian masih belum ditandatangani, tiada sebarang tindakan boleh diambil ke atas LADA, atau meneruskan apa-apa tindakan terhadap LADA.
29. Pajakan kecil (*sub-lease*) hendaklah mendapatkan kebenaran LADA dan hanya setelah pelabur didaftarkan sebagai pemegang pajakan.
30. Syarikat Pembida yang berjaya akan diikat melalui *Lease Agreement Cum With Development Agreement* dengan LADA.
31. Syarikat Pembida yang di senarai pendek akan dikenakan wang jaminan pelaksanaan projek ke atas Syarikat sebanyak 2 hingga 5 peratus tertakluk kepada *Gross Development Cost* (GDC) projek pembangunan.
32. Bebanan ke atas tanah perlu diberi perhatian oleh Pembida kerana untuk membuka sekatan kepentingan dan kelulusan pengisytiharan Melayu perlu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri yang melibatkan masa dan kos yang tinggi.
33. Tanah tidak boleh dicagar / *charge* kepada bank tanpa mendapat kebenaran daripada LADA.

SULIT

34. Pemberian surat kuasa wakil (PA) adalah budi bicara mutlak pihak LADA, ini kerana LADA perlu memantau pelaksanaan projek ini sepertimana yang dipersetujui.
35. Pelaksanaan projek fizikal mestilah bermula dalam tempoh enam (6) bulan pertama selepas perjanjian ditandatangani dengan mengemukakan draf pelan Kebenaran Merancang (KM) untuk semakan. Keseluruhan projek hendaklah disiapkan maksima dalam tempoh lima (5) tahun. Pendaftaran projek akan dibuat berdasarkan fasa pembangunan.
36. Perjanjian boleh ditamatkan sekiranya Syarikat gagal mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam perjanjian, 10% daripada amaun pajakan yang telah dibayar akan dikenakan dan tidak akan dikembalikan.
37. Caj penalti lewat bayar akan dikenakan 10% setahun daripada nilai GDC projek mengikut jadual pelaksanaan yang telah dipersetujui.
38. Pemantauan projek akan dipantau oleh LADA sehingga siap berdasarkan *timeline* yang dipersetujui dalam perjanjian. Syarikat perlu mengemukakan laporan status kemajuan projek setiap bulan dan menghadiri mesyuarat bersama LADA sekiranya dipanggil.
39. Permohonan KM perlu melalui LADA.
40. Syarikat Pembida perlu memastikan status Syarikat berstatus Melayu berdasarkan **Enakmen Rizab Melayu Kedah 1930**.

SULIT

41. Bayaran pajakan berdasarkan **DSPPA LADA**:

Peratus	Tempoh / Masa
30%	Ketika perjanjian ditandatangani
30%	Dalam tempoh satu (1) tahun selepas perjanjian ditandatangani
40%	Dalam tempoh dua (2) tahun selepas perjanjian ditandatangani

42. LADA akan memastikan proses pendaftaran pajakan dimulakan jika bayaran dibuat berdasarkan jadual dan syarat di atas telah dipenuhi oleh Syarikat Pembida.

SYARAT DAN TERMA LAIN BERKAITAN

43. Kegagalan Syarikat Pembida yang berjaya untuk mematuhi semua keperluan yang telah ditetapkan dalam RFP pembangunan di atas Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238 ini merupakan asas yang kukuh bagi pembatalan penganugerahan tersebut. Dokumen sokongan perlu dilengkapkan sebagaimana Senarai Semak Pelaburan LADA seperti di **Lampiran E**.
44. Syarikat Pembida dipelawa untuk mengemukakan cadangan berdasarkan keperluan yang dinyatakan di dalam dokumen ini. Kegagalan untuk mengemukakan sebarang maklumat yang dikehendaki akan menyebabkan cadangan ditolak.
45. Syarikat Pembida juga perlu menanggung segala kos yang berkaitan dengan penyediaan dan penyerahan RFP.

SULIT

46. Satu (1) *softcopy* dan satu (1) salinan bercetak perlu dikemukakan ke alamat berikut:

Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan
Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 7, Kompleks LADA
Jalan Persiaran Putra
07000 Langkawi
Kedah Darul Aman
(u.p: Pengurus)
hanna@lada.gov.my/pelaburan@lada.gov.my

47. Cadangan yang diterima selepas jam 12.00 tengahari pada 5 Oktober 2026 tidak akan dipertimbangkan.
48. Penyerahan harus dilakukan dengan menggunakan sampul bertutup dan ditulis dengan jelas di sebelah atas kanan sampul
“Tawaran *Request For Proposal* (RFP) Bagi Cadangan Pembangunan Komersil Bercampur di atas Lot 61403, Lot 61404 dan Lot 60238 (Tapak Hospital Lama), Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman”.
49. Semua cadangan mestilah menggunakan Bahasa Melayu ataupun Bahasa Inggeris.
50. Semua cadangan mestilah ditaip menggunakan kertas A4 (8.27” x 11.69”). Walau bagaimanapun, pelan dan lakaran boleh menggunakan saiz kertas yang bersesuaian. Setiap bahagian perlu dimulakan pada muka surat baru dan dilabel sewajarnya. Setiap muka surat juga perlu dinomborkan mengikut turutan.
51. Pembida perlu menandatangani borang Surat Akuan Pembida seperti di **Lampiran F** dan **Lampiran G** serta salinan asal perlu dikembalikan semula kepada Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan LADA.
52. Sebarang cadangan penambahan dan alternatif adalah dialu-alukan sekiranya masih dalam skop RFP ini.


SULIT

53. Syarikat Pembida boleh mengemukakan cadangan secara persendirian ataupun bekerjasama dengan Syarikat lain. Walau bagaimanapun, peranan dan tanggungjawab Syarikat perlu dinyatakan dengan jelas.
54. LADA mempunyai hak sepenuhnya untuk menerima ataupun menolak cadangan yang telah dikemukakan dan tidak terikat dalam apa-apa cara sekalipun untuk memberi projek ini kepada seseorang ataupun Syarikat yang mengemukakan cadangan. LADA juga tidak perlu untuk memberi sebarang sebab atau alasan untuk penolakan cadangan yang diterima.
55. Setelah RFP dikeluarkan, maklumat berkaitan dengan kandungan, penilaian, perbandingan cadangan serta syor mengenai penganugerahan kontrak adalah sulit dan tidak harus didedahkan kepada mana-mana individu atau Syarikat yang tidak terlibat secara langsung dengan projek ini.
56. Semua cadangan yang diterima adalah sah selama enam (6) bulan daripada tarikh tutup RFP. Walau bagaimanapun, LADA mempunyai hak untuk melanjutkan tempoh sah tambahan dengan mengeluarkan notis kepada Pembida.
57. Hanya Syarikat yang berjaya untuk RFP ini sahaja akan dimaklumkan status. Bagi Syarikat yang tidak berjaya, tiada sebarang makluman status diberitahu.
58. LADA tidak perlu untuk memaklumkan atau memberikan maklumat lanjut mengenai proses pemilihan kepada mana-mana Syarikat yang berjaya atau tidak berjaya.
59. RFP bukan merupakan satu (1) bentuk tawaran atau kontrak dan tidak mengikat pihak-pihak bagi cadangan pembangunan ini.
60. LADA tidak akan menanggung apa-apa kos, ganti rugi atau pampasan daripada penyediaan RFP ini.

SULIT

61. Fakta dan maklumat yang terkandung di dalam RFP adalah benar sewaktu ia dikemukakan dan dengan ini LADA tidak akan melayan sebarang pertikaian dan tidak akan bertanggungjawab mengenai ketepatan dan kebenaran bagi sebarang fakta dan maklumat yang terkandung dalam RFP ini.

PELAN TAPAK LOT 61403, LOT 61404 & LOT 60238 (TAPAK HOSPITAL LAMA) MUKIM KUAH, 07000 LANGKAWI, KEDAH



LAMPIRAN A (ii)


MAKLUMAT TANAH LOT 61403, LOT 61404 & LOT 60238 (TAPAK HOSPITAL LAMA) MUKIM KUAH, 07000 LANGKAWI, KEDAH

BIL	NO. LOT / PT	LOT 60238 SEKSYEN 4	LOT 61403 SEKSYEN 6	LOT 61404 SEKSYEN 6
1.	No. Hakmilik	GRN 219184	GRN 219182	GRN 219183
2.	Keluasan	2.317 ekar (9,377 meter persegi)	7.371 ekar (2.983 hektar)	0.129 ekar (524 meter persegi)
3.	Mukim	Bandar Kuah	Bandar Kuah	Bandar Kuah
4.	Daerah	Langkawi		
5.	Syarat Nyata Tanah	Tanah ini tiada dihadkan kegunaannya selagi ianya dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan		
6.	Status	Pegangan Selama-Lamanya		
7.	Kawasan Warta	Bukan Rezab Melayu	Bukan Rezab Melayu	Bukan Rezab Melayu
8.	Tarikh Daftar	7 September 2022	7 September 2022	7 September 2022
9.	Cukai Tahunan	RM5,627.00	RM17,898.00	RM315.00
10.	Sekatan Kepentingan	Tiada	Tiada	Tiada


PELAN LOKASI SEKITAR TAPAK LOT 61403, LOT 61404 & LOT 60238 (TAPAK HOSPITAL LAMA) MUKIM KUAH, 07000 LANGKAWI, KEDAH



CONTOH KONSEP PEMBANGUNAN KOMERSIL BERCAMPUR



CONTOH PELAN SUSUNATUR & ILUSTRASI DI LOT 61403 DAN LOT 61404



CONTOH PELAN SUSUNATUR & ILUSTRASI DI LOT 60238



**BAHAGIAN PELABURAN DAN PEMUDAHCARA PERNIAGAAN
SENARAI SEMAK PELABURAN**

Syarikat :
 Projek :
 Jenis Pelaburan: Pajakan / Sewaan / JV / lain-lain
 Tarikh Terima :

No.	Perkara	Ada	Tiada
1	Latar Belakang Syarikat a. Surat Tunjuk Minat b. Profil Syarikat c. Maklumat <i>Corporate Information</i> yang dicetak daripada SSM atau Carian Maklumat Koperasi daripada SKM	☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐
2	Cadangan Teknikal a. Cadangan Projek (termasuk perincian komponen cadangan pembangunan) berserta ilustrasi reka bentuk projek (2 salinan beserta salinan <i>softcopy</i>) b. Cadangan Tempoh Pelaksanaan Projek / <i>Timeline</i> c. Senarai Pengalaman Syarikat yang berkaitan (<i>Ongoing/Completed</i> dalam tempoh 5 tahun terkini) d. Senarai Pasukan Projek / Bilangan Kakitangan Operasi Pengurusan yang akan terlibat e. <i>Market Study</i>	☐ ☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐ ☐
3	Cadangan Kewangan a. Kos Pembangunan Projek (GDC) b. Unjuran Kewangan Projek bagi tempoh 60 tahun (mengikut templat yang disediakan) c. Model Kewangan (<i>Return On Investment (ROI), Payback Period, Net Present Value (NPV), Present Value (PV), Internal Rate of Return (IRR), Weighted Average Cost of Capital (WACC)</i>) d. Penyata Kewangan terkini yang telah diaudit (3 tahun) (<i>Income Statement, Balance Sheet, Cash Flow</i>) (Sila sertakan maklumat kewangan bagi <i>JV partner</i> sekiranya melibatkan <i>Joint Venture</i>)	☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐
4	Kemampuan Syarikat a. Sumber Pembiayaan & Jaminan Pembiayaan oleh Bank (<i>sekiranya berkaitan</i>) b. Bukti Kewangan Penyata Bank (<i>Bank Statement</i>) (3 bulan terkini)	☐ ☐	☐ ☐
5	Output, Outcome dan Impak Pelaksanaan Projek (i.e Peluang Pekerjaan, Alam Sekitar)		
6	Surat Akuan Pembida (ditandatangani)		
7	Wang Pemprosesan RM2,000/permohonan (Dasar Strategik Pelaburan dan Pengurusan Aset LADA)		
8	Wang Komitmen (<i>Mengikut kadar semasa yang ditetapkan</i>)		

Nota:

SSM- Suruhanjaya Syarikat Malaysia

SKM – Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Pegawai Yang Menyemak:

()
 Tarikh :

**SURAT AKUAN PEMBIDA****LATAR BELAKANG SYARIKAT**

1. Nama Syarikat : _____
2. No. Pendaftaran : _____
3. Tarikh Penubuhan Syarikat : _____
4. Jenis Perniagaan Syarikat : _____

5. Alamat Syarikat
 - 5.1 Ibu Pejabat : _____

 - 5.2 Cawangan : _____

6. Nombor Untuk Dihubungi
 - 6.1 No. Telefon : _____
 - 6.2 No. Faks : _____
 - 6.3 Alamat E-mel : _____

7. Modal Berbayar Syarikat (Isi mana yang berkaitan)
 - 7.1 Perseorangan/ Perkongsian: RM _____
 - 7.2 Sendirian Berhad/ Berhad
 - a. Modal Dibenar : RM _____
 - b. Modal Dibayar : RM _____

8. Jenis dan Butiran Pemilikan Syarikat
 - 8.1 Perseorangan
 - a. Nama Pemilik : _____
 - b. No. K/P : _____

SULIT

8.2 Perkongsian:

Nama Pekongsi	Nombor Kad Pengenalan	Peratus Perkongsian

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

8.3 Sendirian Berhad / Berhad:

Nama Pemegang Saham	Nombor Kad Pengenalan	Peratus Bahagian

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

9. Senarai Ahli Lambaga Atasan

Nama	Nombor Kad Pengenalan

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

10. Maklumat Mengenai Pengurusan Atasan

Nama	Jawatan	Tempoh Perkhidmatan Dalam Syarikat

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

11. Bilangan Pekerja

11.1 Tempatan : _____ orang

11.2 Asing : _____ orang

12. Laporan kewangan Syarikat terkini.



INTEGRITY PACT

SURAT AKUAN INTEGRITI

Saya.....nombor K.P / MY Kadyang mewakili.....nombor Pendaftaran..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / *Request For Proposal* (RFP)* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Kuasa Wakil (PA) bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam LADA atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / *Request For Proposal* (RFP)* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan berikut diambil:

- 2.1. Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender / *Request For Proposal* (RFP)* di atas; atau
- 2.2. Penamatan kontrak bagi tender / *Request For Proposal* (RFP)* di atas; dan
- 2.3. Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender / *Request For Proposal* (RFP)* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
()

Cop Syarikat :

Catatan:

- i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Kuasa Wakil (PA).